




**KENYATAAN MEDIA**  
**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**  
**DAN**  
**MENTERI KEWANGAN II**  
**NEGERI SABAH**

**A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 248 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 35,888 kes. Satu (1) kes kematian direkodkan di Daerah Sandakan. Takziah kepada keluarga yang terlibat.
- 2 Pada hari ini, seramai 214 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital menjadikan jumlah kumulatif sembuh 33,571 orang. Sejumlah 1,553 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 567 orang di hospital dan 986 orang di PKRC. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 57 orang dan 18 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).
- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Kunak berubah dari zon kuning ke zon jingga, manakala Daerah Tambunan berubah dari zon kuning ke zon hijau.

- 4 Pada hari ini, **TIADA** kluster baharu dilaporkan.
- 5 Daripada 248 kes positif COVID-19 yang direkodkan, sebanyak 169 kes (68.1%) adalah berpunca dari saringan kontak rapat, saringan bergejala 37 kes (14.9%), saringan kluster-kluster sedia ada 26 kes (10.5%), dan 16 kes (6.5%) adalah dari lain-lain kategori.
- 6 Jumlah kapasiti katil di Hospital COVID-19 adalah sebanyak 966 unit. Sementara, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) adalah 5,444 unit menjadikan jumlah keseluruhan 6,410 unit. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 24.23%.

#### **B. BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)**

Sehingga hari ini, sebanyak **303,992** bakul makanan telah diagihkan kepada golongan sasaran.

#### **C. BANTUAN LOGISTIK**

- 1 Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri mempunyai 239 buah kenderaan yang sedia digunakan bagi tujuan bantuan logistik COVID-19.
- 2 Daripada jumlah tersebut, sebanyak 10 buah kenderaan digunakan untuk mengangkut pesakit COVID-19, manakala 5 buah kenderaan digunakan untuk menghantar bakul makanan ke lokasi sasaran. Baki 224 kenderaan pelbagai jenis bersedia digerakkan jika perlu.

**D. KADAR PEMATUHAN PENDUDUK TERHADAP SOP PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB)**

- 1 Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB pada hari ini ialah **97.98%**. Pecahan mengikut daerah adalah seperti berikut:

<b>BIL</b>	<b>DAERAH</b>	<b>PERATUS</b>
1	Kinabatangan	99%
2	Sipitang	99%
3	Kota Belud	99%
4	Kota Kinabalu	99%
5	Kudat	98.5%
6	Beaufort	98.5%
7	Kunak	98.5%
8	Semporna	98%
9	Penampang	98%
10	Papar	98%
11	Kota Marudu	98%
12	Beluran	98%
13	Sandakan	98%
14	Lahad Datu	97%
15	Tuaran	97%
16	Keningau	97%
17	Tenom	97%
18	Tawau	97%
19	Ranau	96%

- 2 Orang ramai dinasihatkan untuk terus patuhi SOP dan arahan yang telah ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan bagi membendung penularan pandemik COVID-19.
- 3 Pihak PDRM juga akan terus melaksanakan pemantauan dan tindakan tegas akan diambil terhadap mereka yang ingkar pada SOP yang sedang berkuat kuasa.

## **E. LAPORAN SANITASI JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT**

Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi awam di dua (2) premis di dua (2) Daerah iaitu Kinabatangan dan Kota Belud.

Masyarakat dinasihatkan untuk menjalani ujian saringan dengan kadar segera sekiranya mempunyai kontak rapat dengan individu yang disahkan positif COVID-19.

Bersama-sama kita putuskan rantai COVID-19 dengan mengamalkan norma baharu dalam kehidupan seharian demi kesejahteraan diri, keluarga serta masyarakat.

**#kitajagakita #normabaharu**

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II**

26 Disember 2020